

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

SOALAN TAMBAHAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- i. Apakah usaha penambakaan DBKL terhadap pelan pengurusan pokok rendang serta garis panduan sediaada khususnya untuk memantau dan menyelenggara pokok-pokok teduhan yang berisiko tumbang di sekitar ibu negara.
- ii. Selain penyediaan kontraktor dan pakar pokok (*arborist*) bagi setiap kawasan parlimen untuk kerja-kerja penyelenggaraan pokok, adakah juga terdapat kajian penilaian semula terhadap aspek penanaman pokok teduhan seperti lokasi dan keluasan tanah yang bersesuaian serta tempoh pemantauan yang diperlukan.

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang merangka pelan tindakan pengurusan risiko pokok teduhan di Kuala Lumpur yang dijangka siap pada penghujung Julai 2024 yang merangkumi aspek:

- a. pengurusan pokok liar dan pokok di tanah persendirian;
- b. penyelenggaraan dan kajian dasar/ polisi/ akta sedia ada yang melibatkan pengurusan pokok teduhan matang dan berusia; dan
- c. perlaksanaan rekabentuk pokok teduhan sedia ada dan pelan penanaman semula pokok teduhan.

Bagi maksud tersebut, setiap aspek akan mengandungi perkara berikut:

- a. Strategi Pelan tindakan;
- b. Jangkamasa pelan tindakan dilaksanakan: jangka panjang (10 tahun), jangka sederhana (5 tahun) dan *quick win* (1 tahun);
- c. Implikasi kewangan;
- d. Indikator pengukuran pelan tindakan; dan
- e. Pemilik kompetensi.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pemilihan lokasi bagi penanaman penggantian pokok teduhan dan pengindahan tepian jalan adalah berdasarkan kepada rekod penebangan pokok yang telah dilaksanakan disamping kawasan-kawasan baru seperti kawasan lapang, kawasan tepian jalan yang telah dinaiktaraf, kawasan tepian sungai dan kawasan tadahan banjir (kolam takungan). Pemilihan spesis penanaman baru adalah bergantung kepada faktor berikut:

- a. Saiz pokok bagi ruang penanaman terhad;
- b. Pokok tempatan (*indigenous*); dan
- c. Nilai estetik dan karektor pokok.

3. Sehubungan itu, DBKL telah mengambil langkah proaktif dengan menyenarai pendek 22 spesis pokok teduhan yang dipercayai tidak bermasalah dan dilihat mampu beradaptasi dengan baik terhadap persekitaran bandar raya Kuala Lumpur berdasarkan tempoh penanaman sepanjang 10 tahun terkini.

4. Manakala, kaedah pelaksanaan penggantian pokok yang akan dilaksanakan adalah melalui kaedah berikut:

- a. Penyulaman pokok baru di lokasi sedia ada (tempoh tertentu (1 tahun) tebang pokok asal/ sedia ada; dan
- b. Penebangan pokok secara berperingkat (sulaman dan tanam semula spesis pokok yang sesuai di mana pokok sedia ada ditebang secara berperingkat dan dalam turutan bergilir bagi membolehkan pokok baru membesar dan mengelakkan tepian jalan tersebut kelihatan kosong tanpa pokok rendah dengan tiba-tiba.

5. Penanaman pokok teduhan secara berselang seli antara pelbagai spesis bertujuan untuk meminimalkan risiko jangkitan penyakit secara epidemic selain meningkatkan daya tahan pokok-pokok terlibat.

Sekian, terima kasih.